

KONSEP KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU MENURUT KERANGKA PERIBUMI

*(The Concept of the Sovereignty of the Malay Rulers According to the
Indigeneity Framework)*

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
dlaf@live.com

Majlis Ittihad Ummah Malaysia.

Abstrak

Banyak perbincangan tentang prinsip perundangan tanah air mengabaikan konsep kedaulatan yang dijunjung oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, artikel ini menghuraikan konsep kedaulatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan berasaskan kerangka peribumi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sejarah perundangan. Data terkumpul terdiri daripada sumber primer, sekunder dan temu bual. Hasil kajian mendapati kedaulatan raja-raja Melayu yang berteraskan ajaran Islam tidak pernah terhapus. Pentafsiran tersebut menghuraikan kedudukan sebenar kedaulatan raja-raja Melayu dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, prinsip perundangan dan pelaksanaan sistem politik di Malaysia hendaklah selaras dengan konsep kedaulatan yang diwarisi.

Kata kunci: kedaulatan peribumi, kerangka peribumi, kedaulatan raja-raja Melayu, kedaulatan Malaysia, perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan

Abstract

There has been debate over whether Malaysian legal principles have ignored the concept of sovereignty which has been upheld by the Federal Constitution. Hence, this study aims to elaborate the concept of sovereignty as stipulated in article 181(1) of the Federal Constitution based on the indigeneity framework. This study employs the qualitative legal history methodology. The data was collected from primary and secondary sources, as well as interviews. The results reveal that the



sovereignty of the Malay rulers is based on Islamic teachings, and has never been abolished. This interpretation reveals the true position of the Malay rulers within the framework of the Federal Constitution. Thus, the legal principles and political system implemented in Malaysia have to be in line with this inherited concept of sovereignty.

Keywords: indigenous sovereignty, indigeneity framework, sovereignty of Malay rulers, Malaysian sovereignty, article 181(1) of the Federal Constitution

PENDAHULUAN

Pentafsiran sebenar konsep kedaulatan menjadi semakin kritikal kerana dewasa ini timbul pelbagai tanggapan tentang keluhuran undang-undang negara. Umumnya, perbincangan tentang kedaulatan atau sebuah negara yang berdaulat dibuat tanpa terlebih dahulu menelusuri takrifannya berdasarkan sejarah perundangan negara. Terdapat takrifan yang berbeza tentang konsep kedaulatan kerana pemakaiannya yang berbeza dalam sesebuah negara. Konsep kedaulatan tanah air perlu dilihat menerusi kerangka peribumi tanah air. Kerangka peribumi bermaksud konsep kedaulatan perlu ditafsir menurut kerangka undang-undang yang diwarisi dan dijunjung oleh peribumi setakat tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Penggunaan istilah peribumi dipilih untuk memerihalkan kedudukan dan sifat sesuatu yang berpaksi pada tanah air. Satu lagi sebab istilah peribumi digunakan kerana lebih bersifat saksama, iaitu tidak berpihak atau khusus untuk sesuatu kaum atau kumpulan etnik tertentu. Peribumi juga merujuk fakta bahawa kerajaan Melayu ialah kerajaan peribumi yang berdaulat yang menjadi premis konsep kedaulatan raja-raja Melayu pada hari ini.

Kedaulatan menurut takrifan Curzon ialah konsep politik dan perundangan yang berkaitan dengan kekuasaan tertinggi dalam sesebuah negeri¹ dan menjadi aspek utama yang mencorakkan prinsip perlembagaan dan memberikan legitimasi kepada sesebuah negeri atau

1 Curzon, L. B. (2007). *Dictionary of Law* (Edisi ke-6). Kuala Lumpur: International Law Book Services, p. 395.



kerajaan.² Oleh itu, prinsip perlembagaan sesebuah negeri merangkumi sistem politik dan perundangan yang dibentuk oleh konsep kedaulatan yang dijunjung. Kedaulatan juga ditakrifkan sebagai sebuah kerajaan yang melaksanakan *de facto* kawalan pentadbiran terhadap sesebuah negara dan tidak tunduk kepada kerajaan lain dalam negaranya.³

Sebahagian besar negara di dunia pada hari ini mengamalkan sistem demokrasi. Sistem demokrasi bermaksud kuasa agung atau kedaulatan untuk menggubal undang-undang dan menetapkan sistem politik sesebuah negara yang terletak pada rakyat; melalui kedaulatan rakyat, maka tertubuhlah badan perwakilan rakyat yang diberikan kuasa untuk menggubal undang-undang, mentakrifkan cara kerajaan perlu berfungsi, menjelaskan hubungan antara rakyat dengan kerajaan dan hubungan rakyat dengan rakyat, serta menetapkan hak, kawalan dan tegahan, termasuklah mewujudkan badan yang menguatkuasakan undang-undang dan menjaga kedaulatan negara. Sebaliknya, Perlembagaan Persekutuan yang ada pada hari ini walaupun berprinsipkan demokrasi berparlimen masih bersumberkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Perjanjian tersebut kemudiannya diinstitusikan sebagai sebuah perlembagaan atas persetujuan sembilan orang raja-raja Melayu yang mewakili sembilan buah kerajaan Melayu dengan wakil Kerajaan Britain bagi pihak dua buah Negeri-Negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Pembentukan majlis parlimen, sistem keadilan, pentadbiran kerajaan pada peringkat persekutuan dan semua peruntukan yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dikuatkuasakan menerusi kedaulatan raja-raja Melayu. Kedaulatan raja-raja Melayu masih terpelihara sehingga kini dan termaktub dalam perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, artikel ini akan menjelaskan konsep kedaulatan berdasarkan peruntukan, “sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas” yang termaktub dalam perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab peruntukan tersebut merujuk kedaulatan raja-raja Melayu

2 Immanuel, W. (2004). *World-Systems Analysis: An Introduction*. Duke University Press, Durham, p. 44.

3 Greenberg, D. (2012). *Stroud's Judicial Dictionary of Words and Phrases* (Edisi ke-8). Sweet & Maxwell, London, p. 2774.



“sebagaimana yang telah ada”, maka artikel ini menggunakan kaedah sejarah perundangan untuk mentafsirkan konsep kedaulatan raja-raja Melayu. Konsep kedaulatan raja-raja Melayu di sisi Perlembagaan Persekutuan amat penting sebagai premis yang paling sah untuk menjelaskan prinsip perundangan negara.

Menurut Abdul Aziz (2008), kaedah pentafsiran kedaulatan raja-raja Melayu melampaui peruntukan bertulis Perlembagaan Persekutuan kerana legitimasi kewujudan sesebuah negeri dan sejarahnya berasaskan raja.⁴ Tambah Abdul Aziz lagi, menurut teori undang-undang tulen Hans Kelsen, kuasa dan pengaruh sebenar raja itu terletak pada diri dan institusi, bukan pada peruntukan perlembagaan dan undang-undang yang lebih bersifat formal. Dengan kata lain, raja-raja Melayu masih memiliki kuasa tersimpan.⁵

Oleh itu, kaedah sejarah perundangan merupakan kaedah yang paling tepat untuk membina kerangka yang betul bagi menilai konsep kedaulatan raja-raja Melayu dan seterusnya mengemukakan konsep kedaulatan negara di sisi Perlembagaan Persekutuan.

TAFSIRAN KEDAULATAN

Kedaulatan menurut *Black's Law Dictionary* (1990) ialah kuasa tertinggi, mutlak dan tidak terkawal yang mentadbir sebuah negara merdeka; kuasa politik tertinggi; kehendak agung; kawalan penting perlembagaan, kerangka kerajaan dan pentadbiran; sumber pendiri kuasa politik, semua kuasa politik diperoleh daripadanya; kebebasan antarabangsa sesebuah negara, digabungkan dengan hak dan kuasa mengawal selia urusan dalamannya tanpa telunjuk asing; juga politik masyarakat dan negara yang berdaulat dan bebas. Daulat juga merupakan kuasa untuk melakukan segala-galanya dalam semua keadaan tanpa akauntabiliti, untuk membuat undang-undang, melaksanakan dan memakainya, untuk

4 Abdul Aziz Bari. (2008). The monarchy: Symbolism, guardianship and stability. Dalam Syed Arabi Idid (Ed.), *Malaysia at 50 Achievement & Aspiration*, Kuala Lumpur: Thomson Learning, p. 181.

5 Abdul Aziz Bari. (2008). The Monarchy: Symbolism, guardianship and stability, p. 180.



mengenakan dan mengutip cukai dan sumbangan levi, untuk mengisytiharkan peperangan atau keamanan, untuk membentuk perjanjian perikatan atau perdagangan dengan negara-negara asing, dan seumpamanya.⁶

Berdasarkan kenyataan tersebut, kedaulatan mengandungi tiga ciri utama, iaitu:

1. Kuasa pemerintahan agung, mutlak dan tidak terkawal lagi bebas, daripadanya punca segala kuasa politik (pemerintahan), pengawal agung kepada perlembagaan dan kerangka kerajaan.
2. Kuasa menjadikan sesebuah negeri bebas merdeka dan memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa, serta hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing.
3. Kuasa membolehkan sesebuah kerajaan atau negeri untuk melaksanakan dan mengguna pakai undang-undang, untuk mengenakan dan mengutip cukai dan hasil, untuk berperang atau berdamai, untuk mengikat perjanjian persahabatan atau perdagangan dengan bangsa asing, dan seumpamanya.

Bouvier (1856) menegaskan bahawa kedaulatan milik rakyat kerana mereka mewakili kekuasaan agung kepada pemerintah. Sebuah negeri berdaulat menurut *Bouvier's Law Dictionary*:

Hendaklah boleh memerintah sendiri, bebas daripada kuasa asing. Kedaulatan itu berada dalam badan sesebuah negara dan milik rakyat yang dilaksanakan secara delegasi; secara semula jadinya terbahagi kepada tiga cabang kuasa, iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman. Pertama, kuasa untuk membuat undang-undang baharu, untuk membetulkan dan memansuhkan yang lama; kedua, kuasa untuk melaksanakan undang-undang di dalam dan luar negara; ketiga, kuasa untuk mengguna pakai undang-undang tersebut berdasarkan fakta tertentu; untuk mengadili pertikaian antara warganegara; dan untuk menghukum penjenayah⁷.

Selain kenyataan tersebut, Awashi mentakrifkan kedaulatan

6 *Black's Law Dictionary*. (1990) (Edisi ke-6). Springer, New York, p. 252.

7 Bouvier, J. (1856). *Bouvier Law Dictionary*. Capaian daripada www.constitution.org.

sebagai pemilikan kuasa agung dan kuasa pemerintahan. Sungguhpun demikian, Awashi masih sangsi sama ada “kuasa agung” boleh diterima sebagai takrifan universal yang tepat pada setiap waktu dan tempat kerana tidak terdapat persetujuan sejagat mahupun persetujuan sepakat tentang maksud kedaulatan. Kedaulatan juga bermaksud kuasa tertinggi yang mentadbir badan politik, membentuk sebuah negeri dalam keadaan mutlak dan tidak terkawal dalam ruang tersendiri, sebagai kuasa dalaman yang membataskan kebebasan peribadi dengan kawalan sosial (undang-undang atau melindungi kebebasan peribadi terhadap kawalan sosial); menghalang dan menghukum kesalahan; melindungi dan menguatkuasakan hak; serta mengekalkan undang-undang, ketenteraman dan pelaksanaan fungsi tertentu. Kuasa berdaulat datang daripada rakyat; sesiapa yang melaksanakan kuasa dalam sesebuah negeri tidaklah lain melainkan diwakili oleh rakyat.⁸

Seperti pandangan Awashi yang menyatakan bahawa tiada takrifan universal tentang kedaulatan, dalam kes *N. A. Khan lwn Province of Sindh*⁹ hakim bicara memutuskan bahawa:

Saya boleh juga, pada peringkat ini, berurusan dengan hujah yang dikemukakan di hadapan kita seperti maksud yang hendak diberikan oleh deklarasi yang terkandung dalam mukadimah perlembagaan negara bahawa “kedaulatan” seluruh alam semesta dimiliki oleh Allah Yang Maha Besar sahaja, dan kuasa yang perlu dilaksanakan oleh orang Pakistan dalam lingkungan had yang ditetapkan oleh-Nya ialah amanah yang suci.¹⁰

Keputusan tersebut amat penting kerana mengesahkan deklarasi Perlembagaan Pakistan bahawa kedaulatan ialah milik mutlak Allah SWT dan pelaksanaan kuasa dalam lingkungan yang dibenarkan oleh-Nya ialah suatu amanah suci. Takrifan bahawa kedaulatan milik Allah SWT sahaja berbeza dengan apa-apa yang dikemukakan oleh

8 Aiyar, K. J. (1995). *Judicial Dictionary*. Allahabad: The Law Book Company (P) Ltd., p. 1053.

9 *N. A. Khan lwn Province of Sindh* PLD 1977 Kar 606.

10 M. Ilyas Khan. (1995). *Hand book of legal terms & phrases*. Karachi: Pakistan Law House, p. 861.

Bouvier. Selain itu, keputusan tersebut juga mengesahkan pandangan Awashi bahawa tiada takrifan universal tentang kedaulatan. Ternyata, kedaulatan milik Allah SWT merupakan konsep yang menjadi pegangan negara pada hari ini kerana kedaulatan di sisi ajaran Islam dan Barat merupakan sumber tertinggi atau penguasa agung yang memiliki hak mutlak untuk menetapkan dan mengabsahkan keluhuran sesuatu undang-undang. Penguasa agung juga boleh mewakili “delegat” hak penggubalan undang-undang kepada entiti lain tanpa memprejudiskan hak mutlak penguasa agung. Undang-undang yang diabsahkan melalui hak mutlak penguasa agung berkuasa untuk mencorakkan sistem politik dan prinsip perundangan sesebuah kerajaan atau negara. Undang-undang tersebut perlu dipatuhi kerana boleh dikuatkuasakan dalam kerangka undang-undang tempatan sesebuah kerajaan atau negara.¹¹ Konsep kedaulatan sama ada milik Allah SWT atau rakyat dalam konteks undang-undang sivil bergantung pada peruntukan perlembagaan yang dijunjung oleh sesebuah negara.

ANALISIS KONSEP KEDAULATAN

John Austin menggariskan ciri konsep kedaulatan dalam sesebuah negara yang boleh dikenal pasti. Menurut beliau:

Bagi tujuan analisis undang-undang dalam sesebuah negeri, pertama, perlu dikenal pasti dalam masyarakat bahawa pihak atasan lazimnya ditaati, meskipun tidak mematuhi mana-mana arahan pihak berkuasa yang lebih tinggi. Apabila sudah dikenal pasti pihak berkuasa yang memberikan arahan yang lazimnya ditaati, pihak atasan tidak akan menerima arahan lain. Itulah kuasa berdaulat di dalam negeri. Dalam sebuah komuniti politik yang bebas, kedaulatan menjadi penentu yang mutlak. Kehendaknya tidak boleh dibataskan kerana, jika dikekang untuk bertindak akan terhapuslah sifat agung yang tertakluk pada kuasa yang membataskannya.¹²

11 Wan Ahmad Fauzi. (2017). *Konsep kedaulatan watan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Malaysia menurut sejarah perundangan*, pp. 80 – 144.

12 Aiyar, K. J. (1995). *Judicial Dictionary*. Allahabad: The Law Book Company (P) Ltd., p. 1054.



Seperti Curzon (1986), Hinsley, seorang pakar sains politik Barat juga mentakrifkan kedaulatan sebagai suatu konsep. Hinsley¹³ menyatakan:

Kedaulatan, teori atau andaian tentang kuasa politik, bertujuan membina. Walaupun kita bercakap secara umum sebagai sesuatu yang konkrit yang mungkin hilang atau diambil, terhakis atau bertambah, kedaulatan bukanlah suatu fakta. Kedaulatan ialah suatu konsep yang digunakan oleh orang yang dalam keadaan tertentu - kualiti yang mereka sumbangkan atau tuntutan yang mereka kembalikan – kepada kuasa politik yang mereka atau orang lain laksanakan.¹⁴

Kenyataan Hinsley menunjukkan bahawa kedaulatan merupakan konsep yang berbincang tentang pelaksanaan kuasa politik. Konsep ialah suatu kerangka pemikiran besar yang membina konsep politik dan perundangan agung dalam sesebuah negara. Dari segi kesannya, konsep ialah kerangka pemikiran yang menentukan prinsip perlembagaan sesebuah negara. Kedaulatan mempunyai kedudukan kuasa yang paling agung yang mengawal politik atau masyarakat. Kedudukan tersebut membolehkannya berfungsi sebagai kuasa agung dan berada pada kedudukan yang bebas dan tidak boleh dikawal. Kedaulatan juga mendirikan sesebuah negara, kuasanya bebas dan tidak terhad dalam mana-mana sistem, sama ada monarki, autokratik mahupun demokrasi.

Kedaulatan juga bersifat penentu dan mutlak dalam sebuah komuniti politik yang bebas. Entiti yang bersifat atasan juga tidak boleh dihadkan dan dikekang daripada bertindak kerana bersalahan dengan sifat agung. Kewujudan had dan kekangan akan menunjukkan bahawa entiti tersebut tertakluk pada kuasa

13 Hinsley, F. H. (1986). *Sovereignty* (Edisi ke-2). London: Cambridge University Press, p. 1.

14 Teks asalnya: *Sovereignty, a theory or assumption about political power, seeks to construct for them. Although we talk of it loosely as something concrete which may be lost or acquired, eroded or increased, sovereignty is not a fact. It is a concept which men in certain circumstances have applied a quality they have attributed or a claim they have counterposed to the political power which they or other men were exercising.*



yang membatasikannya, lantaran itu menafikan sifat keagungan.¹⁵ Dengan kata lain, kedaulatan ialah kuasa agung dalam politik, penggubalan undang-undang dan pentadbiran keadilan; serta bersifat mutlak, bebas dan tidak boleh dikawal.

Menurut sarjana sains politik Barat, entiti yang memiliki “kedaulatan” haruslah memiliki dua perkara, iaitu pertama, hak untuk memerintah dan hak untuk dipatuhi; dan kedua, kewilayahan. Beliau menjelaskan bahawa hak untuk memerintah dan hak untuk dipatuhi hendaklah diperoleh secara sah sama ada hukum alam, mandat Ilahi, undang-undang pusaka, perlembagaan, mahupun undang-undang antarabangsa. Kekuasaan itu pula bukanlah sekadar kekuasaan biasa, tetapi hendaklah mencapai tahap tertinggi atau agung dalam wilayah pemerintahannya. Kewilayahan itu ialah prinsip untuk mentakrif ahli komuniti. Ahli komuniti dikira dalam kalangan penduduk dalam suatu sempadan, tidak semestinya identiti. Sempadan negeri berdaulat pula tidak semestinya terbatas pada suatu golongan rakyat atau bangsa, tetapi menjangkau sejauh wilayah geografi dalam kekuasaan seorang raja sebagai penguasa tertinggi.¹⁶

Dari sudut pandangan Islam, sudah pasti takrifan kedaulatan hanya layak diletakkan sebagai milik mutlak Allah SWT sahaja. Allah SWT ialah Tuhan yang mencipta semua makhluk dan mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan terakhir yang mengajar agama Islam melalui al-Quran dan sunah. Dalam al-Quran dan sunah terkandung ajaran Islam sebagai *ad-Din* yang meliputi dasar politik, undang-undang dan pentadbiran keadilan. Kedaulatan Allah sebagai Tuhan Yang Maha Agung pastinya tidak boleh dikekang atau dibataskan oleh sesiapa pun, bahkan mereka yang menentang hukum Allah SWT pasti diazab di akhirat kelak.¹⁷ Perbezaan antara kedaulatan menurut pemikiran Barat dengan Islam adalah dari sudut sumber kedaulatan. Pemikiran

15 Aiyar, K. J. (1995). *Judicial Dictionary*. Allahabad: The Law Book Company (P) Ltd., p. 1054.

16 Philpott. (2003). *Sovereignty*. Stanford Encyclopedia of Philosophy, p. 2.

17 Arief Salleh, & Yahaya Jusoh. (2015). *Tafsir maudhu'iy: Politik dan urusan tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, p. 58.



Barat meletakkan kedaulatan pada manusia atau entiti tertentu seperti parlimen dan mensyaratkan pemegang kedaulatan mestilah bersifat mutlak, bebas dan merdeka apabila membuat keputusan. Sebaliknya, di sisi Islam, kedaulatan mutlak hanyalah milik Allah SWT, sementara pemerintah hanyalah berperanan sebagai pemegang amanah, jauh sekali bersifat mutlak. Bebas dan merdeka menurut kaca mata Islam ialah suatu kebebasan untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan ajaran Nabi Muhammad SAW.

Oleh itu, perlu juga difahami bahawa kerajaan yang berdaulat ialah kerajaan yang tidak dijajah. Penjajahan hanya berlaku sekiranya kedaulatan sesebuah kerajaan itu terlucut sama ada akibat peperangan atau digantikan dengan entiti yang berbeza, termasuklah cirinya. Walau bagaimanapun, menurut kaca mata Islam, kedaulatan bersumberkan ajaran Islam hanya tergantung apabila berlaku sekatan untuk melaksanakan perintah Allah SWT kerana tanggungjawab untuk melaksanakan perintah Allah SWT kekal abadi dan tidak boleh dihapuskan oleh sesiapa. Sekiranya tergantung, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk mengembalikannya semula.

KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU

Kesemua tafsiran, termasuk kenyataan Austin merupakan premis untuk mengenal pasti ciri kedaulatan yang dijunjung oleh mana-mana kerajaan moden pada hari ini. Oleh itu, sebelum membahaskan dengan lebih lanjut kedaulatan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan, terdapat lima perkara penting yang perlu difahami, iaitu:

1. Raja-raja Melayu ialah penganut agama Islam, kekal sejak zaman kesultanan Melayu Melaka hingga hari ini.
2. Raja-raja Melayu yang menandatangani atau menginstitusikan Perjanjian Negeri 1948 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.¹⁸

18 Perjanjian Negeri 1948 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu masing-masing bertarikh 21 Januari 1948 ditandatangani oleh sembilan orang raja-raja Melayu.



3. Perjanjian Negeri 1948 ialah batu asas perlembagaan moden kerajaan Melayu¹⁹ dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.²⁰
4. Kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dikurniakan dan dikuatkuasakan melalui kedaulatan sembilan orang raja-raja Melayu yang menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu.²¹
5. Kedaulatan raja-raja Melayu bukanlah ciptaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 tetapi susur galurnya diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka.²²

Undang-undang yang termaktub dalam Perjanjian Negeri 1948 mempunyai kepentingannya yang tersendiri kerana termaktub tentang kedaulatan raja-raja Melayu seperti yang dimiliki pada 1 Disember 1941. Melalui kuasa kedaulatan yang turut diperakui oleh British sebagai “negara pelindung”, maka raja-raja Melayu pada tarikh yang sama menandatangani pula Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Penetapan kedaulatan raja-raja Melayu seperti pada 1 Disember 1941 dalam Perjanjian Negeri 1948 selaras dengan tuntutan raja-raja Melayu seperti yang terakam dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan bertarikh 18 November 1946 bahawa “kedaulatan dalam setiap negeri Melayu hendaklah kekal pada baginda raja bagi negeri itu mengikut adat Melayu.”²³ Jawatankuasa Kerja Perlembagaan yang dilantik pada 25

19 Kecuali Johor dan Terengganu yang lebih awal memiliki perlembagaan.

20 Dalam semua mukadimah Perjanjian Negeri 1948 bertarikh 21 Januari 1948 dinyatakan matlamat umum untuk menyediakan perkembangan perlembagaan di bawah perlindungan British dan bagi keamanan, tertib dan pentadbiran kerajaan negeri Melayu akan datang. Dalam beberapa mukadimah perlembagaan negeri Melayu ada rujukan dibuat terhadap Perjanjian Negeri 1948 seperti Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu.

21 Thio, E. (1969). *British policy in the Malay Peninsula 1880 – 1910* (Jilid 1) Singapura: Penerbit Universiti Malaya, p. 239.

22 Wan Ahmad Fauzi. (2017). *Konsep kedaulatan watan suatu pengenalan*. Selangor: Majlis Ittihad Ummah, p. 111.

23 C.O 537/1530 No. 50823 Part III.



Julai 1946 terdiri daripada wakil kerajaan Malayan Union, raja-raja Melayu dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu untuk menyelesaikan krisis perlembagaan Malayan Union.²⁴ Ternyata, kedaulatan raja-raja Melayu pada 1 Disember 1941 memberikan kesan undang-undang seperti yang berikut:

1. Mengabsahkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, kemudian menggantikannya dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 sehinggalah penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Perkara tersebut dinyatakan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 bertarikh 5 Ogos 1957.²⁵
2. Merupakan ciri sebenar kedaulatan yang dinyatakan dalam peruntukan, “sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas” dalam perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

KESINAMBUNGAN KEDAULATAN PERIBUMI

Perjanjian Negeri 1948 boleh dianggap sebagai batu asas perlembagaan moden negeri Melayu pada hari ini. Perjanjian ini ditandatangani oleh sembilan orang raja-raja Melayu yang menyertai Persekutuan Tanah Melayu dan termaktub peruntukan dalam setiap Perjanjian Negeri yang mengesahkan kedaulatan raja-raja Melayu. Sebagai contoh, klausa 15 Perjanjian Negeri Terengganu 1948 menyatakan bahawa hak mutlak, kuasa dan bidang kuasa sultan di dalam negeri Terengganu hendaklah seperti yang dimiliki oleh baginda pada 1 Disember 1941, yang tertakluk pada peruntukan

24 Simon. (1995). *British relations with the Malay rulers from decentralisation to Malayan independence, 1930 – 1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, p. 69.

25 5. *Subject to the provisions of the said Federal Constitution and to the Forth Schedule to this agreement, the Federation of Malaya Agreement, 1948, and all other agreements subsisting between her majesty and the other parties to this agreement or any of them immediately before the said thirty-first day of August shall be revoked as from that day, but nothing in this clause shall affect any provision in any agreement by which provision any disposition of territory was made.*



Perjanjian Persekutuan dan Perjanjian Negeri 1948.²⁶

Kenyataan tersebut bermaksud kedaulatan raja-raja Melayu tidak dicipta oleh Perjanjian Negeri 1948 mahupun Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Pada hakikatnya, kerajaan Melayu sudah mempunyai perlembagaan, setidak-tidaknya berasaskan *Hukum Kanun Melaka* yang dipinda mengikut versi negeri masing-masing.²⁷ Perjanjian Negeri 1948 merupakan suatu penegasan semula untuk mengesahkan kedaulatan raja-raja Melayu seperti yang sedia ada pada 1 Disember 1941. Berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam Perjanjian Negeri 1948, matlamat perjanjian tersebut sebenarnya bertujuan mewujudkan keamanan dan ketenteraman, pentadbiran yang baik, dan penggubalan perlembagaan baharu bagi setiap negeri Melayu di bawah perlindungan Kerajaan British pada masa hadapan.²⁸ Selanjutnya, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah suatu proses pelaksanaan objektif yang terkandung dalam Perjanjian Negeri 1948 untuk membentuk sebuah persekutuan baharu yang terdiri daripada sembilan buah kerajaan Melayu, iaitu Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu, serta dua buah Negeri-negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Selain itu, kedaulatan raja-raja Melayu juga

26 Fasal 15, Perjanjian Negeri Terengganu 1948 bertarikh 21 Januari 1948 dalam teks bahasa Inggeris berbunyi, “*The prerogatives, power and jurisdiction of His Highness within the State of Terengganu shall be those which His Highness the Sultan of Terengganu possessed on the first day of December, 1941, subject nevertheless to the provisions of the Federation Agreement and this agreement.*”

27 Menurut kajian Liaw Yock Fang, peruntukan dalam *Hukum Kanun Melaka* ditambah dari masa ke masa sehingga abad ke-19. Dapatan kajian Hooker, Muhammad Yusoff Hashim dan Liaw Yock Fang menunjukkan bahawa *Hukum Kanun Melaka* terus diterima pakai oleh kerajaan negeri Melayu walaupun setelah terbubaranya Kerajaan Melayu Melaka sekitar akhir abad ke-17 semasa berkerajaan di Johor. Kelangsungan *Hukum Kanun Melaka* dapat dilihat pada kewujudan *Undang-undang 99 Perak, Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor* dan *Undang-undang Sungai Ujung*. Liaw Yock Fang (Ed.). (2003). *Undang-undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

28 Lihat mukadimah dalam setiap Perjanjian Negeri 1948.



dijamin melalui klausa 155 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang memperuntukkan pemeliharaan kedaulatan dan bidang kuasa raja-raja di dalam negeri masing-masing.²⁹

Kedaulatan raja-raja Melayu seperti yang dinyatakan sebelum ini, sebenarnya kekal dengan ciri asal berdasarkan adat Melayu dan bukanlah ciptaan baharu, kesan Perjanjian Negeri 1948. Adat Melayu ialah undang-undang dalam masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman³⁰ yang meliputi sistem politik dan undang-undang yang dikuatkuasakan.³¹ Kenyataan itu disokong oleh pandangan Simon (1995) bahawa kepentingan isu kedaulatan raja-raja Melayu jelas dinyatakan dalam teks cadangan berhubung dengan kerajaan negeri. Raja-raja Melayu menuntut raja Britain mengiktiraf mereka sebagai raja yang berdaulat dan merdeka. Mereka juga mahukan jaminan bahawa kedaulatan di setiap negeri Melayu hendaklah kekal kukuh pada raja-raja Melayu di dalam negeri masing-masing. Syarat tersebut diulangi dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 yang berkaitan dengan kerajaan negeri.³²

Kedaulatan Tanah Melayu seperti yang dijelaskan dalam *Konsep kedaulatan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan*³³ merujuk kerangka kedaulatan yang bersumberkan Islam yang terbina pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, sama ada lebih awal berlaku atau selepas pembubaran Kesultanan Melayu Melaka. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kedaulatan peribumi ialah konsep kekuasaan agung yang bersumberkan syariat Islam yang mempercayai bahawa hak penggubalan undang-undang tertinggi

29 Dalam teks bahasa Inggeris berbunyi, “*save as expressed herein, this agreement shall not affect the sovereignty and jurisdiction of their highnesses the rulers in their several states.*”

30 Jelani Harun. (2008). Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London, *Sari* (26), 127 – 148.

31 Sebahagiannya masih ditulis dalam *Hukum Kanun Melaka*.

32 Simon. (1995). *British relations with the Malay rulers from decentralisation to Malayan independence, 1930 – 1957*, p. 71.

33 Wan Ahmad Fauzi. (2017). *Konsep kedaulatan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan*, pp. 140 – 177.



ialah milik mutlak Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan sunah. Berasaskan kerangka konsep ini, maka:

1. Kepimpinan manusia, termasuk raja Melayu mempunyai kedudukan sebagai khalifah.
2. Konsep kedaulatan menggariskan dasar umum sistem dan prinsip perundangan yang menjadi panduan mandatori manusia yang sesuai dilaksanakan sepanjang zaman.

Sepanjang tempoh campur tangan British, konsep tersebut tidak pernah terhapus oleh sebab yang berikut:³⁴

1. Kedaulatan raja-raja Melayu terbentuk berasaskan konsep kedaulatan peribumi yang bersumberkan ajaran Islam.
2. Selagi raja-raja Melayu menganut akidah Islam dan mempunyai kerajaan, selagi itu kedaulatan peribumi terpelihara kerana ajaran Islam merangkumi aspek awam dan peribadi yang diikat dengan dua kalimah syahadah.
3. Triti dengan Kerajaan British sebelum 1 Disember 1941 tidak pernah menggugat kekuasaan raja-raja Melayu dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu.
4. Doktrin nasihat yang diperkenalkan adalah untuk menyediakan suatu platform yang berwibawa kepada Kerajaan British mengekalkan keamanan dalam negeri dan memperkenalkan dasar yang memelihara kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu.
5. Prinsip *English common law* bukanlah salah satu objektif dasar campur tangan British di Tanah Melayu tetapi diperkenalkan sebagai panduan mewujudkan keadilan bagi menguruskan kes di mahkamah dan melaksanakan tadbir urus yang baik dalam pentadbiran negeri Melayu.
6. Tiada peruntukan dalam mana-mana triti atau peruntukan perlembagaan tempatan yang menghalang pelaksanaan prinsip perundangan Islam.
7. Kedaulatan raja ialah suatu ordinan atau enakmen yang disusun oleh kerajaan Melayu atas nama sultan.
8. Kedaulatan raja-raja Melayu disahkan dalam beberapa kes, iaitu

34 Berasaskan pemerhatian dalam triti antara kerajaan Melayu dengan British, juga ketinggian perlembagaan negeri Tanah Melayu.



Mighell lwn the Sultan Johor,³⁵ *Duff Development Co. lwn The State of Kelantan*³⁶ dan *Pahang Consolidated Co. Ltd. lwn The State of Pahang*.³⁷

Pada hakikatnya, kedaulatan peribumi mengabsahkan Perjanjian Negeri 1948, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan menginstitusikan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kedaulatan yang sama juga memberikan legitimasi terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Seperti yang dijelaskan, kedaulatan raja-raja Melayu pada hari ini bukanlah ciptaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, sebaliknya raja-raja Melayu dan ratu Britain bersetuju mengadakan terma rujukan dalam Persidangan London yang bersidang pada bulan Januari hingga Februari 1956. Terma ini bertujuan memeriksa aturan perlembagaan semasa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, dengan mengambil kira kedudukan dan kemuliaan ratu Britain dan raja-raja Melayu; dan untuk membuat syor, termasuklah pemeliharaan kedudukan dan prestij raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan di dalam negeri masing-masing;³⁸

Persidangan London sebenarnya merupakan lanjutan daripada penyediaan Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 untuk menggubal perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Berdasarkan terma rujukan Persidangan London, secara nyata diputuskan bahawa penggubalan Perlembagaan Persekutuan hendaklah mengambil kira dan menjaga kedudukan raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan di dalam negeri masing-masing. Seperti yang dijelaskan, kerajaan Melayu yang menyertai Persekutuan Tanah Melayu 1957 sudah mempunyai perlembagaan negeri masing-masing dan pemerintahnya, iaitu raja berperanan sebagai pemegang amanah kedaulatan yang menjadi milik mutlak Allah SWT.

35 [1894] *IQB* 149.

36 [1924] *AC* 797.

37 [1933] *MLJ* 247.

38 *Laporan Suruhanjaya Reid*, No. 12/957. (1957), p. 2.



PERKARA 181 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Kedaulatan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 termaktub secara khusus dalam perkara 181. Teks asal perkara 181(1) bahagian XIV di bawah topik Menjaga Kedaulatan Raja2 Dll yang menyatakan bahawa:

181. (1) Dengan terta'alok kepada syarat2 Perlembagaan ini, maka kedaulatan, keutamaan2, kuasa2, dan kekuasaan Raja2 dan keutamaan2, kuasa2 dan kekuasaan Undang2 dan Orang Besar Negeri Sembilan di-dalam negeri2 atau daerah2 masing-masing sa-bagaimana pada masa yang sudah2 itu hendaklah kekal tidak di-sentuh.

Seterusnya, perkara 181 Perlembagaan Persekutuan sehingga 10 Mei 2010 dalam terbitan Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd. adalah seperti yang berikut:

181. Kecualian bagi Kedaulatan, raja-raja dsb.

(1) Tertakluk pada peruntukan perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa raja dan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa pembesar yang memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas.

Sebelum pindaan Perlembagaan 1993, imuniti peribadi dianggap sebagai salah satu ciri kedaulatan raja-raja Melayu kerana peruntukan tersebut diletakkan di bawah perkara 181(2) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pindaan perkara 181(2) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1993 membenarkan raja-raja Melayu dibicarakan dalam prosiding mahkamah khas. Perkara 181(2) selepas pindaan 1993 berbunyi, "Tiada apa-apa jua prosiding pun boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap raja sesuatu negeri atas sifat peribadinya, kecuali di dalam mahkamah khas yang ditubuhkan di bawah bahagian XV". Penghapusan imuniti raja-raja Melayu dikatakan tidak menjejaskan kedaulatan raja, malah mengukuhkan kedaulatan peribumi dalam Perlembagaan Persekutuan pada hari ini kerana imuniti bukanlah



sebahagian daripada kedaulatan peribumi yang bersumberkan ajaran Islam. Firman Allah SWT³⁹ yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan kamu orang yang berkuasa di muka bumi dengan silih berganti. Oleh itu, sesiapa yang kufur ingkar, maka balasan kufurnya itu akan menimpa dirinya sendiri. Dan orang yang kafir, kufurnya tidak akan menambahkan (kedudukan) mereka di sisi Tuhan mereka melainkan kemurkaan dan kehinaan. Dan juga orang yang kafir itu, kufurnya tidak menambahkan mereka melainkan kerugian jua.”

Sebaliknya, imuniti peribadi berasal daripada kerangka pemikiran Barat yang terbina daripada fahaman “dikotomi” yang mengubah ajaran nabi terdahulu; kedaulatan mutlak milik Tuhan seperti yang terkandung dalam kitab Taurat dan Injil diubah kepada manusia, lalu dikembangkan selepas Persidangan Nicae pada tahun 325. Dalam persidangan tersebut, raja Rom menitahkan supaya penganut agama Kristian mesti mengakui Jesus Christ atau al-Masih sebagai tuhan.⁴⁰ Walaupun Jesus Christ dianggap sebagai tuhan, namun paderi dibenarkan secara bebas untuk menterjemahkan dan mentafsirkan kitab suci Injil yang dipopularkan sebagai Bible. Akibatnya, pengikut agama Kristian lama-kelamaan menganggap paderi mereka memiliki hak kedaulatan mutlak yang sebelumnya milik tuhan. Perihal tersebut ditegaskan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Mereka menjadikan para pendeta dan ahli agama mereka sebagai tuhan selain Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; Tiada (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah daripada apa-apa yang mereka sekutukan.”⁴¹

39 *Surah al-Fatir* 35:39.

40 Ahmad Syalabi. (1978). *Muqaranah al-Adyan al-Masihiyah*. Kaherah: Nahdah al-Misriyyah, pp. 195 – 197.

41 *Surah at-Taubah* 9:31.



Maksud “tuhan” atau “menyembah” dalam ayat al-Quran tersebut dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW dalam Riwayat al-Tirmidzi:

Memanglah mereka tidak menyembah paderi dan ahli agama mereka itu, tetapi apabila paderi dan ahli agama mereka menyatakan sesuatu itu halal, mereka pun menyatakannya halal. Dan jika paderi dan ahli agama mereka menyatakan sesuatu itu haram, mereka pun turut menyatakan haram.⁴²

Selanjutnya, apabila gereja dipisahkan daripada politik, fahaman kedaulatan mula diterapkan dalam diri seseorang raja sehingga baginda dianggap mempunyai kedaulatan mutlak, justeru bersifat kebal daripada undang-undang.⁴³ Penyataan tersebut diakui oleh Kantorowicz dalam bukunya yang bertajuk *The King's Two Bodies*.⁴⁴ Kantorowicz menjelaskan bahawa kedaulatan yang difahami pada Zaman Pertengahan (*The Middle Ages*) mengalami pembaharuan. Kantorowicz mendakwa konsep *the body of Christ* akhirnya melahirkan tanggapan mempunyai dua badan. Pertama, tuan rumah hal ehwal keagamaan gereja (*corpus natural*), manakala yang kedua, badan sosial gereja dan struktur pentadbiran (*corpus mysticum*). Badan kedua tersebut pada hari ini dikenali sebagai kuasa politik. Kerangka pemikiran Barat mengalami perubahan yang lebih ketara apabila lahirnya sekularisme seawal abad ke-17. Pemikiran Barat tersebut sudah pasti berbeza daripada ajaran Islam yang masih mengekalkan ajaran agama *ad-Din* yang diwahyukan kepada nabi terdahulu. Pengekalan ajaran agama yang sama berbentuk penerusan (*continuum*) dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

42 Arief Sallah, & Yahaya. (2015). *Tafsir maudhu'iy: Politik dan urus tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, p. 67.

43 Kenyataan ini dipersetujui oleh Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin. Temu bual Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pejabat KITA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 11 Oktober 2017.

44 Philpott, D. (2003). *Sovereignty*. Stanford Encyclopedia of Philosophy. Capaian pada 5 Mac 2017 daripada <https://plato.stanford.edu/entries/sovereignty>, p. 6.



“Allah mensyarakkan kepada kamu antara perkara agama, apa-apa yang diperintahkan-Nya kepada Nabi Nuh dan yang Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan juga yang Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa, serta Nabi Isa, iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah-belah atau berselisihan pada dasarnya, berat bagi orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih dan melorongkan sesiapa yang dikehendaki-Nya untuk menerima agama (tauhid) dan memberikan hidayat petunjuk kepada agama-Nya itu sesiapa yang kembali kepada-Nya (dengan taat).”⁴⁵

Ayat “sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas” di bawah perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan konsep kedaulatan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Sesuai dengan ketinggian kuasa dan kedudukan raja-raja Melayu, maka Yang di-Pertuan Agong diangkat sebagai kepala utama persekutuan (*supreme head of the federation*)⁴⁶ yang dipilih dalam kalangan sembilan orang raja-raja Melayu.⁴⁷ Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan secara tuntasnya memperuntukkan jaminan pengekalan kedaulatan raja-raja Melayu. Kenyataan ini diakui oleh Mohd. Salleh (Tun) (1984) yang menyatakan bahawa apabila Semenanjung Tanah Melayu merdeka, institusi pemerintahan beraja diteruskan dan disesuaikan dengan konsep demokrasi berparlimen. Gillen⁴⁸ juga menyifatkan perlembagaan mengekalkan kedudukan raja-raja dengan memperuntukkan kedaulatan, hak mutlak, kuasa dan

45 *Surah al-Syura* 42:13.

46 Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan penuh perkara 32(1) berbunyi, “Maka hendaklah ada seorang ketua utama negara bagi persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah diberikan keutamaan daripada segala orang di dalam persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah, kecuali di dalam mahkamah khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV”.

47 Mohd. Salleh Abas. (1984). *Selected articles and speeches on constitution, law & judiciary*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd., p. 38.

48 Gillen, M. R. (1994). *Paper on the Malay rulers' loss of immunity*. Canada: University of Victoria, pp. 7 – 8, 19.



bidang kuasa raja-raja seperti sedia ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas. Kedaulatan raja-raja Melayu yang selama ini bercirikan unsur tradisi dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan.⁴⁹ Abdul Aziz dan Farid Sufian (2009) mentafsirkan perkara 181 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Ia adalah tidak jelas apa-apa yang dimaksudkan dengan “kedaulatan dan lain-lain” dalam peruntukan kerana raja-raja kini adalah sebagai monarki berperlembagaan. Tetapi berdasarkan perkara 39 dan prinsip kuasa tersimpan, mungkin ada tujuan tertentu bagi peruntukan ini. Seseorang boleh mengatakan bahawa peruntukan ini digubal untuk memasukkan kuasa tersimpan dan kekuasaan yang dimiliki oleh raja-raja, iaitu kuasa dan kekuasaan yang tidak jelas diambil oleh mana-mana peruntukan perlembagaan itu.⁵⁰

Peruntukan perkara 181(1) secara zahirnya menjelaskan bahawa kedaulatan raja-raja Melayu bersifat “telah ada, tetap dan tidak terjejas”. Oleh itu, pentafsiran kedaulatan raja-raja Melayu tidak boleh mengabaikan sejarah perundangan setiap raja-raja Melayu yang menyertai Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia pada hari ini. Di sisi Perlembagaan Persekutuan, kedaulatan ialah sesuatu yang diwarisi dan bersifat peribumi.⁵¹ Kedaulatan dikatakan bersifat peribumi kerana peribumi berakar daripada tanah air dan tanah air bersifat ada dan diwarisi, justeru kedaulatan raja-raja bukan sesuatu yang asing, tetapi bercirikan warisan peribumi.

Konsep kedaulatan raja-raja Melayu di sisi Perlembagaan Persekutuan dikemukakan berdasarkan peruntukan, “sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas”. Dalam peruntukan yang sama termaktub ayat, “tertakluk

49 Mohd. Salleh Abas. (2015). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 38 – 39.

50 Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. (2009). *Constitution of Malaysia: Text and commentary* (Edisi ke-3). Selangor: Prentice Hall, p. 353.

51 Kenyataan ini dipersetujui oleh Dr. Abdul Aziz Bari. Temu bual Dr. Abdul Aziz Bari, mantan profesor Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIAM, Dewan Komuniti Taman Cheras Indah, Selangor, 6 Disember 2016.



pada peruntukan perlembagaan ini” pada permulaannya. Oleh sebab itu, artikel ini turut membahaskan kesan ayat “tertakluk pada peruntukan perlembagaan ini” dari sudut pemakaian kedaulatan peribumi dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan pada hari ini melalui dua aspek, iaitu ciri kedaulatan Perlembagaan Persekutuan dan keluhuran prinsip Perlembagaan Persekutuan.

Ciri Kedaulatan Perlembagaan Persekutuan

Meskipun perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan secara jelas peruntukannya berkaitan dengan kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa raja-raja Melayu yang menginstitusikan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, sehingga kini masih belum ada tafsiran mahkamah dibuat terhadap peruntukan tersebut. Perbincangan tentang kedaulatan raja-raja Melayu hanya pernah dibuat oleh YAA Tun Mohd. Salleh Abas, Ketua Hakim Negara dalam kes *Che Omar Che Soh lwn Pendakwaraya*⁵² ketika mentafsirkan Islam menurut perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan pada sisi lain hanya terdapat satu perbahasan secara ilmiah bertajuk *Konsep kedaulatan watan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan menurut sejarah perundangan*.⁵³ Kajian tersebut mendapati kedaulatan yang dimiliki oleh raja-raja Melayu pada 1 Disember 1941 berkonsepkan Islam dan diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka yang berasaskan tiga aspek utama, iaitu *Hukum Kanun Melaka* sebagai perlembagaan Tanah Melayu, Islam sebagai undang-undang peribumi Tanah Melayu dan pemikiran peribumi semasa tentang konsep kedaulatan. Selain itu, kedudukan Islam dalam perlembagaan yang berbentuk moden di Tanah Melayu sebelum 1 Disember 1941 dapat dikesan

52 *Che Omar Che Soh lwn Pendakwaraya* [1988] 2 MLJ 55.

53 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2017). *Konsep kedaulatan watan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan menurut sejarah perundangan* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia).



dalam fasal LVII *Undang-undang Tubuh Johor 1895*.⁵⁴ Peruntukan yang sama tentang Islam juga terkandung dalam fasal 51 *Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911* yang dinyatakan seperti yang berikut:

Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini kerajaan Islamiyyah Melayuwiyyah ialah yang dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain dijadikan atau disebutkan agama sebagai negeri sekali pun banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.

Selain itu, pandangan tentang konsep kedaulatan raja-raja Melayu pernah dikemukakan oleh Stockwell⁵⁵ yang menyatakan:

Secara tradisinya raja Melayu dianggap sebagai sumber semua undang-undang, ketua kerajaan dan agama. Baginda bertanggungjawab untuk mempertahankan adat dan struktur masyarakat Melayu. Namun, kuasa baginda mungkin dilaksanakan oleh pihak lain, dan pihak lain mungkin menjalankan tugas atau menasihati baginda dengan polisinya tetapi keabsahan bagi semua tindakan berwibawa terletak pada kedaulatan raja-raja Melayu.

Pandangan Stockwell tentang konsep kedaulatan lebih jelas sekiranya dibaca bersama-sama dengan tulisan Wheeler⁵⁶ yang menyatakan bahawa, “Dalam Islam ... sultan itu ialah maharaja dan pope, dilihat dari aspek duniawi baginda ialah sultan; dari sudut spiritual pula baginda ialah khalifah, bayangan Tuhan.”

Konsep kedaulatan tersebut masih tetap dan tidak terjejas sehinggalah diinstitusikan Perlembagaan Persekutuan Tanah

54 Fasal LVII *Undang-undang Tubuh Johor 1895* memperuntukkan, “*What is called the ‘Religion of the State’ for this territory is the Mohamedan Religion, and such being the case, the Mohamedan Religion shall continuously and for ever be, and be acknowledged to be, and spoken of as, the ‘State Religion’ ...*”.

55 Stockwell. (1979), p. 75.

56 Wheeler. (1928). *The modern Malay*. London: George Allen & Unwin, p. 101.



Melayu 1957. Pandangan sedemikian disokong oleh Smith⁵⁷ yang menyatakan bahawa sebelum perang, Britain mengekalkan kedaulatan raja-raja Melayu melalui perjanjian yang ditandatangani. Dari sisi pegangan hidup, sebagai penganut agama Islam, raja-raja Melayu tidak boleh melucutkan kewajipan baginda untuk mematuhi perintah Allah SWT, apatah lagi kedudukan mereka sebagai ketua agama dan pemerintah tertinggi. Tanggungjawab seorang raja sebagai pemerintah untuk melaksanakan hukum Allah SWT dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud,⁵⁸ “Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa-apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang yang zalim”. Ayat tersebut jelas membuktikan bahawa meskipun kedaulatan milik raja-raja Melayu, namun kedaulatan tersebut merupakan suatu amanah yang perlu ditunaikan oleh raja-raja Melayu kepada rakyat.

Seperti yang dijelaskan dalam kajian Wan Ahmad Fauzi (2017),⁵⁹ bentuk kedaulatan terbahagi kepada dua, sama ada mutlak atau amanah. Kedaulatan mutlak ialah kuasa agung yang bebas, tidak boleh dikawal dan bersifat kekal, manakala kedaulatan dalam bentuk yang lain ialah amanah. Perbuatan amanah itu hanya akan dapat dilaksanakan apabila kuasa agung mewakili kuasanya untuk menggubal undang-undang dan pemerintahan tertinggi dalam sesebuah kerajaan kepada pihak lain sama ada individu, sekumpulan orang ataupun sebuah entiti. Aspek sifat pula dinilai daripada pegangan kepercayaan atau undang-undang peribumi atau perlembagaan bagi kerajaan atau negara, sama ada tertakluk pada agama, doktrin, fahaman atau objektif tertentu yang dijunjungnya.

Oleh itu, atas premis yang sama, maka artikel ini mengemukakan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menunjukkan ciri

57 Simon. (1995). *British relations with the Malay rulers from decentralisation to Malayan independence, 1930 – 1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, p. 46.

58 *Surah al-Ma'idah* 5:45.

59 Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2017). *Konsep kedaulatan watan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan menurut sejarah perundangan* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia), pp. 93 – 94.



kedaulatan negara Malaysia. Ciri kedaulatan dalam Perlembagaan Persekutuan dicerakinkan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan berdasarkan aspek bentuk dan sifat.

Aspek Bentuk

Aspek ini dijelaskan melalui perkara 3(5) Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri tidak beraja; perkara 32(1) Yang di-Pertuan Agong sebagai kepala utama persekutuan, perkara 38 penginstitusian Majlis Raja-Raja; dan perkara 39, Yang di-Pertuan Agong sebagai pemegang kuasa eksekutif persekutuan. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong ditentukan oleh Majlis Raja-Raja di bawah perkara 38 secara syura dan disyaratkan untuk melafazkan sumpah seperti Jadual 4 di bawah perkara 37.

Pemilihan secara syura dan syarat sumpah berjawatan atas nama Allah SWT untuk memelihara agama Islam dan memerintah dengan adil menjelaskan bahawa kedaulatan Yang di-Pertuan Agong berbentuk amanah. Buktinya Yang di-Pertuan Agong tidak berkuasa secara mutlak kerana baginda tertakluk pada lafaz (matan) sumpah dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Begitu juga anggota pentadbiran persekutuan, termasuklah perdana menteri dikehendaki oleh perkara 43(6) Perlembagaan Persekutuan untuk melafazkan sumpah seperti Jadual 6 di hadapan Yang di-Pertuan Agong.

Aspek Sifat

Penjelasan sifat kedaulatan negara Malaysia secara tuntasnya diperuntukkan dalam perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu Islam ialah agama bagi persekutuan. Meskipun perkara 3(4) memperuntukkan, “Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam perlembagaan ini”, namun sumpah Yang di-Pertuan Agong yang dimulai dengan kalimah suci *wallahi*, *wabillahi*, *wallahi* mengukuhkan Islam sebagai sifat kedaulatan Malaysia.

Aspek sifat dinilai daripada pegangan kepercayaan atau undang-undang watan atau perlembagaan bagi kerajaan atau negara itu, sama



ada tertakluk pada agama, doktrin, fahaman atau objektif tertentu yang dijunjung. Apabila sumpah Yang di-Pertuan Agong mengandungi lafaz, “kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenar-benarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri” secara muktamad menjelaskan bahawa kedaulatan raja-raja Melayu berunsur Islam.

Suatu perkara yang sering diabaikan apabila membicarakan ciri kedaulatan negara yang berteraskan prinsip raja berperlembagaan, selain adanya peruntukan yang menjelaskan kedudukan Islam dan perkara 181(1) ialah akidah raja-raja Melayu. Akidah raja-raja Melayu berkait dengan kalimah syahadah yang menjadi pegangan hidup. Dalam kalimah syahadah itu terkandung pengakuan tauhid uluhiyyah yang diistilahkan dalam sains politik sebagai kedaulatan politik. Tauhid uluhiyyah menurut *Tafsir al-Maudhu’iy*⁶⁰ bermaksud seseorang yang beriman dengan agama Islam wajib menyerahkan segala-galanya kepada Allah SWT. Hanya Allah SWT yang berkuasa mutlak. Kedaulatan politik berkait rapat dengan kehendak Allah SWT, iaitu hanya Dia sahaja mempunyai kuasa mutlak agung untuk menentukan hukum ibadat dan undang-undang di dunia, termasuklah hak menggubal undang-undang bagi sesebuah negeri. Namun, kenyataan ini tidak bermaksud manusia tidak boleh menterjemahkan undang-undang Allah SWT dalam bentuk kontemporari menerusi ruang lingkup yang diizinkan-Nya. Anutan akidah Islam amat penting kerana Islam itu ialah sebagai suatu cara hidup (*ad-Din*). Walaupun kedaulatan pada zahirnya terletak pada pemerintah, namun kedaulatan tersebut sebenarnya suatu amanah daripada Allah SWT.

Kedudukan raja-raja Melayu sebagai pemerintah tertinggi dan penganut agama Islam menafikan sebarang sifat kedaulatan dalam kerangka perlembagaan tanah air, selain Islam. Sumpah Yang di-Pertuan Agong tersebut adalah seperti yang berikut:

Wallahi, wabillahi, watallahi, maka dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku

60 Arieff Salleh, & Yahaya. (2015). *Tafsir al-Maudhu’iy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyhurkan dan akan disahkan dan dimasyhurkan pada masa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.

Ciri kedaulatan negara Malaysia yang dinukilkan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan perkara 181(1) diringkaskan dalam Jadual 1:⁶¹

Jadual 1 Ciri kedaulatan Malaysia.

“Tertakluk pada peruntukan perlembagaan ini,...”	Islam sebagai agama bagi persekutuan.
	Raja-raja Melayu ialah ketua agama di negeri masing-masing dan Yang di-Pertuan Agong bagi negeri yang tidak beraja.
	Kebebasan beragama bagi orang bukan Islam untuk menganuti ajaran agama secara aman. ⁶²
	Kebebasan beragama bagi orang Islam dan hak untuk menyebarkan ajaran Islam ke seluruh bahagian persekutuan. ⁶³
	Sekatan terhadap pengembangan ajaran agama lain dan doktrin sesat dalam kalangan orang Islam. ⁶⁴
	Jaminan pengekalan hak keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kehormatan raja-raja Melayu, dan bidang kuasa Majlis Raja-Raja. ⁶⁵
	Yang di-Pertuan Agong sebagai kepala utama bagi persekutuan dan mempunyai kedudukan lain seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. ⁶⁶

61 Kenyataan ini dipersetujui oleh Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim (2017, 5 April). Prinsip Perlembagaan. Temu bual personal.

62 Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

63 Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

64 Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

65 Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

66 Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan.

sambungan **Jadual 1**

“Tertakluk pada peruntukan perlembagaan ini,...”	Ketinggian sumpah Yang di-Pertuan Agong. ⁶⁷
	Yang di-Pertuan Agong pemegang kuasa eksekutif. ⁶⁸
	Sistem penggubalan undang-undang melalui parlimen. ⁶⁹
	Pemilihan perwakilan menurut sistem demokrasi. ⁷⁰
	Aspek persendirian (<i>personal law</i>) Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri. ⁷¹
	Aspek awam (<i>public law</i>) Islam terletak di bawah bidang kuasa persekutuan. ⁷²
	Tatacara pemerintahan persekutuan dan hubungan dengan pelbagai.

Sehingga kini, masih belum ada kes mahkamah yang membincangkan ciri kedaulatan melalui kerangka yang dikemukakan dalam *Konsep kedaulatan watan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan*. Malah, belum ada tafsiran ayat, “sebagaimana sedia ada dan nikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas” selain yang dibahaskan dalam artikel ini. Ringkasnya, peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkait dengan ciri kedaulatan menjelaskan ruang lingkup perkara 181(1) yang mempunyai ciri kedaulatan bersumberkan peribumi, iaitu warisan Kesultanan Melayu Melaka atau bersumberkan ajaran Islam.

Keluhuran Prinsip Perlembagaan Persekutuan

Prinsip Perlembagaan Persekutuan menjelaskan sistem politik dan prinsip perundangan Malaysia, termasuklah cara pelaksanaannya yang dikenali sebagai sistem beraja, didukung oleh demokrasi berparlimen dan doktrin pemisahan kuasa tidak mutlak.⁶² Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan merangkumi undang-undang substantif dan undang-undang prosedural yang menyetujui sumber

67) Perkara 37(1) Perlembagaan Persekutuan.

68) Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan.

69) Perkara 44 dan perkara 66 Perlembagaan Persekutuan.

70) Perkara VIII Perlembagaan Persekutuan.

71) Senarai II & III, jadual 9, perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan.

72) Senarai I & III, jadual 9, perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan.

dan bidang kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman.⁶³ Antara peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengannya adalah seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2 Prinsip perlembagaan yang berkaitan dengan kedaulatan.

Keluhuran Prinsip Perlembagaan Persekutuan	Perkara 3(5): Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam bagi negeri tidak beraja.
	Perkara 32(1): Yang di-Pertuan Agong sebagai kepala utama persekutuan.
	Perkara 37: berkaitan dengan sumpah berjawatan Yang di-Pertuan Agong.
	Perkara 38: berkaitan dengan Majlis Raja-Raja.
	Perkara 39: berkaitan dengan kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong.
	Perkara 40: berkaitan dengan pelaksanaan doktrin nasihat dan kuasa budi bicara.
	Perkara 41: berkaitan dengan pangkat sebagai pemerintah tertinggi angkatan tentera.
	Perkara 43: berkaitan dengan keanggotaan dan fungsi Jemaah Menteri.
	Perkara 44: berkaitan dengan keanggotaan dalam parlimen.
	Perkara 55: berkaitan dengan panggilan, prorog dan pembubaran parlimen.
	Perkara 66: berkaitan dengan pelaksanaan kuasa perundangan.
	Perkara 73: berkaitan dengan batasan undang-undang persekutuan dan negeri.
	Perkara 74: berkaitan dengan senarai undang-undang persekutuan dan negeri.
Perkara 80: berkaitan dengan pembahagian kuasa eksekutif.	

73 Mohd. Salleh Abas (Tun). (2015). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

74 Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. (2009). *Constitution of Malaysia: Text and commentary*, p. 353; Mohd. Salleh Abas. (2015). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia*, p. 62.

sambungan **Jadual 2**

Keluhuran Prinsip Perlembagaan Persekutuan	Perkara 114: berkaitan dengan pembentukan Suruhanjaya Pilihan Raya.
	Perkara 122B: berkaitan dengan lantikan Ketua Hakim Negara, mahkamah persekutuan dan hakim kanan lain.
	Perkara 150: berkaitan dengan proklamasi darurat.
	Perkara 182: berkaitan dengan mahkamah khas.

Berdasarkan Jadual 2 didapati bahawa tiada peruntukan yang menyekat pelaksanaan prinsip perlembagaan berteraskan kedaulatan peribumi dan bersumberkan perundangan Islam. Peruntukan tersebut menunjukkan bentuk dan tatacara kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.⁷⁵

KESIMPULAN

Perlu ditekankan bahawa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan masih diguna pakai sehingga kini, dan kedaulatan Malaysia berpaksi pada kedudukan raja-raja Melayu menurut kerangka peribumi. Kedaulatan raja-raja Melayu perlu diberikan tafsiran yang betul kerana mempunyai implikasi undang-undang terhadap prinsip perlembagaan yang didukung oleh Malaysia. Kesilapan pemakaian konsep kedaulatan boleh mengakibatkan kesilapan pentafsiran prinsip perlembagaan berdasarkan kerangka undang-undang sebenar.

Kesemua peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan didapati mengukuhkan ciri kedaulatan peribumi. Bahkan, ciri yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan pada hari ini menjamin pemakaian prinsip perundangan bersumberkan Islam. Pada sisi lain, pemakaian kedaulatan peribumi didapati tidak bercanggah dengan keluhuran prinsip perlembagaan, malah memandu cara kedaulatan peribumi perlu dilaksanakan

⁷⁵ Kenyataan ini dipersetujui oleh Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim (2017, 5 Jun). Prinsip Perlembagaan. Temu bual personal.

dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Kesimpulannya, pemakaian kerangka peribumi seperti yang dijelaskan dalam artikel ini mampu mengharmonikan pentafsiran perkara 181 Perlembagaan Persekutuan dengan peruntukan lain di dalamnya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2008). The Monarchy: Symbolism, guardianship and stability. Dalam Syed Arabi Idid (Ed.), *Malaysia at 50 Achievement & Aspiration*, (pp. 179 – 192). Kuala Lumpur: Thomson Learning.
- Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. (2009). *Constitution of Malaysia: Text and commentary* (Edisi ke-3). Selangor: Prentice Hall.
- Abdul Aziz Bari. Temu bual pada 6 Disember 2016 di Dewan Komuniti Taman Cheras Indah, Selangor.
- Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim (Tun) (2017, 5 April). Temu bual personal. Prinsip perlembagaan.
- Ahmad Syalabi. (1978). *Muqaranah al-Adyan al-Masihyyah*. Kaherah: Nahdah al-Misriyyah.
- Aiyar, K. J. (1995). *Judicial Dictionary*. Allahabad: The Law Book Company (P) Ltd.
- Allen, J. de, Stockwell, A. J. & Wright, L. R. (Eds.). (1981). *A collection of treaties and other documents affecting the States of Malaysia* (Jilid 2). London: Oceana Publications.
- Arief Salleh, & Yahaya Jusoh. (2015). *Tafsir maudhu'iy: Politik dan urus tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Black's Law Dictionary*. (1990) (Edisi ke-6). Springer, New York.
- Bouvier, J. (1856). *Bouvier Law Dictionary*. Capaian daripada www.constitution.org.
- Che Omar Che Soh *lwn* Pendakwaraya [1988] 2 *MLJ* 55.
- C.O. 537/1530 No. 50823 Part III.
- Curzon, L. B. (2007). *Dictionary of Law* (Edisi ke-6). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Gillen, M. R. (1994). *Paper on the Malay rulers' loss of immunity*. Canada: University of Victoria.
- Greenberg, D. (2012). *Stroud's judicial dictionary of words and phrases* Govindrao (Edisi ke-8). London: Sweet & Maxwell.
- Hinsley, F. H. (1986). *Sovereignty* (Edisi ke-2). London: Cambridge



- University Press.
- Immanuel, W. (2004). *World-systems analysis: An introduction*. Durham: Duke University Press.
- Jelani Harun. (2008). Kajian naskhah Undang-undang Adat Melayu di London, *Sari* (26), 127 – 148.
- Kantorowicz, (2003). *The King's Two Bodies*.
- Laporan Suruhanjaya Reid*, No. 12/957. (1957).
- Liaw Yock Fang (Ed.). (2003). *Undang-undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Govindrao *lwn* State of M.P., AIR 1982 SC 1201.
- Mighell *lwn* the Sultan Johor [1894] *IQB* 149.
- M. Ilyas Khan. (1995). *Hand book of legal terms & phrases*. Karachi: Pakistan Law House.
- Mohd. Salleh Abas. (1984). *Selected articles and speeches on constitution, law & judiciary*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.
- Mohd. Salleh Abas. (2015). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusof Hashim. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N. A. Khan *lwn* Province of Sindh: PLD 1977 *Kar* 606.
- Pahang Consolidated Co. Ltd. *lwn* The State of Pahang [1933] *MLJ* 247.
- Philpott, D. (2003). *Sovereignty*. Capaian pada 5 Mac 2017 daripada Stanford Encyclopedia of Philosophy, <https://plato.stanford.edu/entries/sovereignty>.
- Shamsul Amri Baharuddin, Profesor Ulung Datuk Dr. Temu bual di Pejabat KITA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 11 Oktober 2017.
- Simon. (1995). *British relations with the Malay rulers from decentralisation to Malayan independence, 1930 – 1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Thio, E. (1969). *British policy in the Malay Peninsula 1880 – 1910* (Jilid 1). Singapura: University of Malaya Press.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2017). *Konsep kedaulatan watan suatu pengenalan*. Selangor: Majlis Ittihad Ummah Malaysia.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2017). *Konsep kedaulatan watan raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia).



Wheeler, L. R. (1928). *The modern Malay*. London: George Allen & Unwin.

Diperoleh (*Received*): 8 September 2017

Diterima (*Accepted*): 22 Oktober 2017